

Aset minimum, FDI sokong ruang kerja bersama

Dari muka 15

“Oleh itu, kami juga melihat sasaran kami untuk membuka ruang kerja baharu di Mid Valley Southkey, Johor pada bulan ini dapat menarik syarikat bukan sahaja tempatan, tetapi limpahan dari Singapura serta pelabur dari luar negara,” ujarnya.

Benjamin berkata, Co-Labs mempunyai 180,000 kaki persegi ruang kerja bersama ketika ini dan dijangka mencapai sehingga 200,000 kaki

persegi dengan pembukaan baharu kami di Mid Valley Southkey menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, bagi keseluruhan ruang tersebut, Co-Labs menempatkan hampir 350 hingga 400 syarikat daripada pelbagai saiz, daripada pekerja bebas hingga korporat dan MNC.

“Daripada lebih 350 syarikat, kami menawarkan perkhidmatan kepada kira-kira 3,000 ahli. Kami dikenali sebagai pengendali di Lembah Klang dan tahun ini merupakan pen-

ting bagi kami ketika dengan mengemban sayap dan memasuki Johor Bahru,” ujarnya.

Mengulas potensi di Johor Bahru, Benjamin menegaskan lokasi itu kini menikmati momentum kukuh berikutan pembangunan infrastruktur serta trend syarikat Singapura mengalihkan sebahagian operasi ke Malaysia.



**BENJAMIN TEO
JONG HIAN**

“Sekitar 40 peratus daripada prospek penyewa dalam jangkaan semasa terdiri daripada syarikat Singapura,” jelasnya.

Benjamin berkata, penawaran ruang kerja bersama di Malaysia hanyalah sekitar dua hingga tiga peratus daripada keseluruhan ruang pejabat, jauh lebih rendah berbanding pasaran seperti Amerika Syari-

kat (AS) dan United Kingdom (UK).

“Singapura juga yang menghampiri 10 peratus. Namun, kami yakin pasaran ini akan terus berkembang di Malaysia,” jelasnya.

Dalam aspek pertumbuhan syarikat, beliau memaklumkan bahawa organisasi itu kini berada dalam kelompok lima teratas dari segi keluasan ruang di bawah pengurusan dan menyasarkan kedudukan tiga teratas dalam tempoh tiga tahun akan datang.